

SOFPADS UPM DIUJI DI ISS



PROF Rozi (dua dari kanan) bersama Dr Noramaliza (dua dari kiri), Dr Fathinul Fikri (kiri) dan Dr Nizam (kanan) bergambar bersama selepas sidang media penyerahan sampel pengesan sinaran kepada JAXA di Fakulti Perubatan dan Sains Kemanusiaan UPM.

Alat pengesan sinaran menggunakan fiber optik pintar (SOFPADS) yang dihasilkan sekumpulan saintis Universiti Putra Malaysia (UPM) akan diuji di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), tidak lama lagi.

Alat berkenaan dicipta sekumpulan penyelidik terdiri daripada Dr Noramaliza Mohd Noor dan Prof Madya Dr Fathinul Fikri Ahmad Saad dari Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear (PPDN) serta Pensyarah Fakulti Sains, Dr Nizam Tamchek.

Dr Noramaliza berkata, ketika ini sebanyak dua sampel SOFPADS dihasilkan yang dinamakan E-SOFPADS dan I-SOFPADS untuk menjalani ujian berkenaan sudah dihantar ke Agensi Penerokaan Angkasa Jepun (JAXA).

Beliau berkata, JAXA akan membawa sampel

pengesan fiber optik pintar berkenaan ke Amerika Syarikat pada bulan ini sebelum dilancarkan ke ISS pada Februari depan.

“E-SOFPADS ini akan didedahkan kepada sinar radiasi di luar ISS sekitar modul KIBO milik Jepun menggunakan fasiliti Experiment Handrail Attachment Mechanism (ExHAM) selama 300 hari manakala I-SOFPADS akan didedahkan kepada sinar radiasi yang berada di dalam modul KIBO, ISS selama 360 hari.

“Selepas setahun, kedua-dua sampel pengesan akan dihantar semula ke bumi untuk dianalisis di PPDN dan Makmal Dosimetri, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan di UPM,” katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Turut hadir, Presiden Pengimejan Diagnostik Nuklear (PDN), Prof Datin

Dr Rozi Mahmud dan wakil daripada Agensi Angkasa Negara (ANGKASA).

Sampel kajian yang bermula pada 2016 itu juga membabitkan penyelidikan bersama-sama pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan UPM, Universiti Multimedia, Universiti Malaya (UM), Universiti Sunway dan ANGKASA.

Dr Noramaliza berkata, projek berkenaan ditaja UPM di bawah Geran Berimpak Tinggi itu juga menjadi langkah pertama untuk memerhati tindak balas fiber optik terhadap radiasi di dalam persekitaran mikro graviti dan juga potensi sebagai pengesan sinaran pasif untuk digunakan di angkasa lepas.

“Lazimnya pengesan sinaran pasif ini digunakan untuk memantau tahap radiasi yang diterima angkasawan yang bekerja di ISS,” katanya.